



No.Perisytiharan : LB20210002
Tarikh Notis : 17 Mac 2026

Music Right (Sarawak) Berhad

Lot 1325, Blok 46
Kuhcing Central LD
213 Greenville Park
Batu 7, Jalan Batu Kitang
93250, Kuching, Sarawak

SERAHAN MELALUI EMEL & POS BERDAFTAR

Tuan,

**NOTIS PEMAKLUMAN PEMBAHARUAN PERISYTIHARAN ORGANISASI
PENGURUSAN KOLEKTIF DIBAWAH SEKSYEN 27A(3A) AKTA HAK CIPTA 1987**

2. Adalah dimaklumkan permohonan pembaharuan perisytiharan Music Rights (Sarawak) Berhad sebagai suatu organisasi pengurusan kolektif dibawah seksyen 27A(3A) Akta Hak Cipta 1987 ("Akta 332") telah disemak dan dipertimbangkan oleh Pengawal Hak Cipta.

3. Hasil semakan dan penilaian mendapati bahawa organisasi Tuan didapati tidak memenuhi keperluan sebagai suatu pertubuhan perbadanan (*body corporate*) sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 27A(9) Akta 332 iaitu suatu syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 ("Akta 777").

4. Sehubungan itu, setelah mengambil kira semakan dan penilaian yang dibuat terhadap permohonan pembaharuan perisytiharan tersebut, Pengawal Hak Cipta memutuskan bahawa permohonan pembaharuan perisytiharan Music Rights (Sarawak) Berhad **tidak dapat diluluskan** dan **tidak diperbaharui**. Berikutan keputusan ini, Music Rights (Sarawak) Berhad tidak dibenarkan untuk menjalankan atau meneruskan sebarang aktiviti pelesenan sebagai suatu organisasi pengurusan kolektif di bawah Akta 332 bermula dari 18 Mac 2026.

5. Walau bagaimanapun, organisasi Tuan hendaklah melaksanakan sepenuhnya tanggungjawab berhubung manfaat agihan kepada ahli-ahli, termasuk menyelesaikan sebarang agihan atau kewajipan yang masih tertunggak atau belum diambil tindakan sewajarnya.

6. Bagi tujuan pematuhan kepada keperluan di bawah seksyen 27A(9) Akta 332, organisasi Tuan adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan status organisasi Tuan ialah suatu pertubuhan perbadanan yang mematuhi kehendak undang-undang yang berkuat kuasa.

7. Sehubungan itu, organisasi Tuan boleh mengambil tindakan pematuhan sewajarnya berhubung perkara ini dan boleh mengemukakan permohonan yang berkaitan kepada Pengawal Hak Cipta untuk pertimbangan selanjutnya selaras dengan peruntukan Akta 332.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(YUSNIEZA SYARMILA BINTI YUSOFF)
Pengawal Hak Cipta
Malaysia